

04 APRIL 2018

## Buruh jual ketum kepada tiga pelajar perempuan ditahan

### Buruh jual ketum kepada tiga pelajar perempuan ditahan

**KOTA BHARU** – Perbuatan seorang lelaki menjual air ketum kepada tiga pelajar perempuan sebuah sekolah menengah di Bachok dekat sini memakan diri apabila suspek ditahan polis pagi semalam.

Dalam kejadian pada pukul 1 pagi, suspek berusia 20-an ditahan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah Bachok dalam satu serbuan di rumah di daerah ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kelantan, Superintenden Mit Emong berkata, pihaknya mengambil keterangan tiga pelajar perempuan tersebut sebelum berjaya menjelaskan suspek.

“Sebaik rakaman video tiga pelajar perempuan tersebut terse-

bar di laman sosial polis membuat siasatan sebelum berjaya menjelaskan ketiga-tiga mereka.

“Melalui gambaran yang diberikan pelajar terbabit, suspek yang merupakan seorang buruh berjaya diberkas di rumahnya. Melalui keterangan awal suspek, dia mengaku air yang dijual kepada pelajar tersebut ialah air ketum,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kelmarin, video berdurasi 20 saat yang menunjukkan tiga pelajar berkenaan minum air ketum mula tular di media sosial Facebook sehingga mendapat pelbagai reaksi orang awam.

Siasatan mendapati tiga remaja perempuan itu membeli sebotol air minuman ketum pada harga RM10 pada Sabtu lalu.